

**NO SOALAN : 28**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB LAKSAMANA PERTAMA  
MOHAMAD IMRAN BIN ABD  
HAMID (B)  
(LUMUT)**

**TARIKH : 24.3.2015  
(SELASA)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan mengenai Program Perantis, Sekolah Pertukangan Perantis Tentera Darat (*Armed Forces Apprentice Trade School*) telah diberhentikan dan nyatakan sebabnya kerana ia boleh dianggap menafikan wawasan yang diilhamkan oleh Mantan Perdana Menteri, Allahyarham Tun Abdul Razak Hussein dan di waktu yang sama Alumuni AFATS menuntut supaya program ini dikekalkan.

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Bermula tahun 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengarusperdanakan sistem pendidikan vokasional dengan memperkenalkan program Kolej Vokasional (KV) di bawah Pelan Transformasi Pendidikan Vokasional. Melalui Pelan Transformasi tersebut, KPM telah menjumudkan kurikulum yang diguna pakai di Sekolah Pertukangan Perantis Tentera Darat (SPPTD) iaitu Mata Pelajaran Aliran Vokasional mulai tahun tersebut.**

**Berdasarkan kepada penambahbaikan Skim Perkhidmatan Angkatan Tentera Malaysia yang telah diperkenalkan pada tahun 2013, Kementerian Pertahanan berpandangan sumber kemasukan utama kepada perkhidmatan teknikal dalam Tentera Darat (TD) boleh diperolehi secara terus melalui kelayakan di peringkat diploma dalam bidang Tugas Khusus (Kejuruteraan) dan yang mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dan ke**

atas. Pembekalan sumber manusia daripada Perajurit Muda kini telah memenuhi dan menepati kehendak TD kerana memiliki kelayakan teknikal/vokasional yang berkaitan, sama ada di peringkat sertifikat mahupun diploma dari pelbagai bidang.

Pada masa yang sama, TD sedang melaksanakan kajian berhubung dengan halatuju dan relevensi SPPTD dengan mengambilkira segala aspek dan juga berdasarkan keperluan masa hadapan organisasi secara holistik.